

AKHBAR : KOSMO AHAD  
MUKA SURAT : 16  
RUANGAN : NEGARA

## Najis tikus punca tiga restoran ditutup sementara

**GEORGE TOWN** – Penemuan najis tikus di kawasan dapur menjadi punca tiga buah restoran di pusat bandar ini diarah tutup serta-merta selama 14 hari mulai pada Khamis lalu.

Selain najis tikus, kawasan dapur premis terbabit juga dikesan kotor dalam operasi bersepadu yang dijalankan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bersama Jabatan Imigresen (JIM) Pulau Pinang.

MBPP dalam satu kenyataan berkata, operasi yang bermula pada pukul 8 malam itu memfokuskan aspek kebersihan dan juga warga asing yang bekerja di premis makanan tersebut.

“

Kesemua premis tersebut juga gagal menyediakan kawalan makhluk perosak (pest control) secara berjadual.”

Katanya, ketiga-tiga buah premis makanan tersebut telah diarahkan tutup serta-merta selama 14 hari ekoran penemuan najis tikus di kawasan dapur dan keadaan kebersihan

tidak memuaskan.

“Kesemua premis tersebut juga gagal menyediakan kawalan makhluk perosak (pest control) secara berjadual,” katanya di sini semalam.

Dalam operasi sama, JIM Pulau Pinang turut menahan seramai enam warga asing iaitu tiga lelaki dan tiga perempuan yang bekerja di dua premis makanan di situ.

Katanya, penahanan itu disebabkan lima warga asing terbabit tidak mempunyai dokumen perjalanan dan seorang lagi telah melanggar Akta Imigresen 1959/63 iaitu tinggal melebihi tempoh dibenarkan.



**SALAH** sebuah premis makanan yang ditutup sementara di George Town pada Khamis lalu.

AKHBAR : SINAR AHAD  
MUKA SURAT : 38  
RUANGAN : NASIONAL

### Dewan Selera, kafeteria MRSM Terendak diarah tutup

**MELAKA** - Jabatan Kesihatan Negeri Melaka mengarahkan Dewan Selera dan kafeteria Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Terendak ditutup 14 hari berkuat kuasa Jumaat susulan penemuan najis tikus di lantai dewan makan tersebut.

Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri, Datuk Ngwe Hee Sem berkata, tindakan tersebut dilakukan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Makanan 1983 untuk langkah pembersihan serta pembetulan di samping kedua-dua premis itu masing-masing dikenakan kompaun RM1,000.

"Selain faktor kebersihan memandangkan ada bukti kehadiran tikus, Dewan Selera dan kafeteria itu juga ditutup kerana peti sejuk yang digunakan tidak mengikut piawaian yang ditetapkan.

"Pihak koperasi juga diberikan arahan agar menghentikan dahulu jualan makanan siap bungkus daripada pembekal luar hingga siasatan selesai dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)," katanya pada Sabtu.

Pada Jumaat, Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Mara), Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki membuat lawatan mengejut ke MRSM Terendak selepas menerima laporan 48 pelajar di sekolah tersebut mengalami simptom sakit perut dipercayai keracunan makanan dan lapan daripada mereka dirawat di hospital namun telah dibenarkan pulang. - *Bernama*

AKHBAR : BH AHAD  
MUKA SURAT : 15  
RUANGAN : NASIONAL

**BH AHAD** 29 September 2024

Nasional

15

# 'MRSM Terendak paling teruk'

**Pengerusi MARA lulus peruntukan khas RM400,000 naik taraf kemudahan asas**

Oleh Amir Mamat  
bhnews@bh.com.my

**Ayer Keroh:** Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, mendedahkan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Terendak adalah yang paling teruk berikutan keadaannya sangat daif dan uzur, berbanding 39 lagi MRSM sudah dilawati beliau.

Beliau yang mengadakan lawatan mengejut ke MRSM Terendak dekat Sungai Udang di sini, kelmarin, mengakui amat terkejut apabila mendapati banyak kemudahan asas di institusi pendidikan itu rosak, kotor dan tidak boleh digunakan.

Malah, dapur di Dewan Selera MRSM terbabit juga didapati kotor dan menjijikkan, selain bilik

air dan tandas rosak sehingga tidak boleh digunakan.

Bukan itu sahaja, beberapa ruang pejabat juga dilihat mengalami kerosakan sehingga mengganggu operasi pengurusan dan pentadbiran MRSM berkenaan.

"Saya melihat sendiri keadaan daif di MRSM itu. Setakat 40 MRSM yang sudah saya lawati, inilah yang paling teruk pernah saya tengok. Pada penilaian saya, MRSM Terendak berada dalam keadaan yang sangat daif dan uzur, terutama fasiliti tertentu.

"Dalam konteks ini, saya akan mengambil tanggungjawab sepenuhnya untuk MARA memberi keutamaan menaik taraf kemudahan asas seperti tandas, selain ada bilik guru yang tidak boleh digunakan langsung," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri perasmian Ekspo Institusi Pendidikan TVET@KKDW 2024 oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di sini, kelmarin.

Terdahulu, Asyraf Wajdi mengadakan lawatan mengejut susulan laporan mengenai 48 pelajar MRSM Terendak mengalami keracunan makanan, ma-

lam kelmarin.

Susulan itu, beliau mengarahkan pengurusan MRSM Terendak menyenaraikan keutamaan berkaitan dalam tempoh sebulan, dengan menggunakan peruntukan khas yang diluluskannya berjumlah RM400,000.

"Paling penting tandas, bilik guru dan asrama mesti berada pada tahap baik kerana saya sudah luluskan peruntukan RM400,000 bagi tujuan penyelenggaraan kemudahan berkenaan.


## 48 pelajar keracunan

Dalam pada itu, beliau memaklumkan 48 pelajar Tingkatan Satu dan Dua MRSM Terendak mengalami keracunan makanan sejak malam kelmarin.

"Saya bersama Pejabat Kesihatan mendapati dapur masak di Dewan Selera MRSM terbabit kotor dan ada najis tikus, selain keadaannya tidak terurus.

"Namun, pihak Pejabat Kesihatan masih melakukan siasatan mengenai punca sebenar kes keracunan makanan itu sama ada dari bahan masakan di dapur Dewan Selera itu atau makanan yang dibawa dari luar," katanya.

Berikutan itu, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka mengarahkan



Asyraf Wajdi meninjau keadaan tandas MRSM Terendak kelmarin.

(Foto ihsan Asyraf Wajdi Dusuki)

dewan selera dan kafeteria MRSM Terendak ditutup 14 hari berkuat kuasa kelmarin susulan penemuan najis tikus di lantai dewan makan terbabit.

EXCO Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri, Datuk Ngwe Hee Sem, berkata tindakan terbabit dilakukan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit

1988 dan Akta Makanan 1983 untuk langkah pembersihan serta pembetulan, di samping kedua-dua premis masing-masing dikenakan kompaun RM1,000.

Koperasi juga diberikan arahan menghentikan dahulu jualan makanan siap bungkus daripada pembekal luar hingga siasatan selesai dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).

AKHBAR : SUNDAY STAR  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NATION

SUNDAY STAR, SUNDAY 29 SEPTEMBER 2024

## Cafeteria closed for 14 days

### MRSM facilities deemed 'terrible' after rat droppings found

**MELAKA:** The dining hall and cafeteria at Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Terendak Camp in Sungai Udang here has been ordered closed for 14 days effective Friday, following the discovery of rat droppings on the floor.

State health, human resources and unity committee chairman Datuk Ngwe Hee Sem said the action was taken for necessary cleaning and corrective measures, with both premises fined RM1,000.

"In addition to hygiene concerns due to evidence of rat presence, the dining hall and cafeteria were closed because the refrigerator used did not meet set standards.

"The cooperative involved has also been instructed to suspend the sale of takeaway food from external suppliers until the district health office completes its investigation," he said when contacted yesterday,

Bernama reported.

Friday's measure was taken by the Melaka Health Department under the Infectious Diseases Prevention and Control Act 1988 and the Food Act 1983.

The Health Ministry has also recommended several catering options from its list to provide meals for the 663 students at the college during the closure.

Earlier on Friday, Majlis Amanah Rakyat (Mara) chairman Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki had conducted a surprise visit to MRSM Terendak after receiving reports that 48 students were experiencing stomach pain, believed to be due to food poisoning.

Eight of the students were treated in hospital and later discharged.

He noted that preliminary investigations had revealed the MRSM kitchen was filthy and poorly maintained, with rat drop-

pings present, leading the district health office to issue fines for the violations.

Asyraf Wajdi has described MRSM Terendak as the most dilapidated educational institution under the purview of Mara, RSN MURALI reports.

The Mara chairman cited issues such as the condition of the toilets and teachers' rooms as "terrible".

"MRSM Terendak Camp is the worst among the 39 out of 57 MRSM (colleges) that I have visited.

"Such conditions shouldn't exist in an institution that has 663 students. I have instructed the principal to compile a list of dilapidated facilities within a month.

"We have approved a RM400,000 emergency fund for remedial measures," he said after the opening of the TVET Expo by Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi in Ayer Keroh, Melaka, on Friday.

The incident at MRSM Terendak follows the recent case at another MRSM, where unsanitary conditions at the cafeteria allegedly led to food poisoning among students.

It was reported that Asyraf Wajdi had confronted the contractor after inspecting the cafeteria at MRSM Taiping in Perak.

He was said to have found lizard droppings and rats at the premises and even maggots in the students' meals during his inspection.

Asyraf Wajdi said Mara planned to sue the cafeteria operator for allegedly breaching contract terms and failing to maintain cleanliness.

WATCH THE VIDEO  
TheStarTV.com



## School canteen closed after over 100 get food poisoning

By IVAN LOH

ivanloh@thestar.com.my

**IPOH:** A primary school canteen here has been ordered to close for 14 days after 101 pupils came down with food poisoning.

Perak Health director Dr Feisul Idzwan Mustapha said the school, located in Kinta district, was told to be closed following an inspection on Wednesday.

A compound notice was also issued to the canteen operator

after an evaluation at the premises was found to be less than satisfactory.

"A risk-based evaluation at the premises is unsatisfactory with a rating of 67.9%.

"A compound notice was also issued to an offence related to the wearing of accessories while preparing food," he said in a statement yesterday.

Dr Feisul Idzwan said on Wednesday, the department received a notification from the

school about the food poisoning incident.

He said of the 1,054 people who were exposed, 101 were pupils, while the others included teachers and school support staff.

"One pupil was warded at the Hospital Raja Permaisuri Bainun paediatric ward, while 62 more received outpatient treatment and others showed light symptoms.

"We first received a report

about five pupils experiencing diarrhoea, vomiting, stomach ache and fever, all who received treatment at two health facilities here," he said, adding the pupils are all in stable condition.

The department has sent 10 clinical samples, five environmental samples and three swab samples taken from the food operator to a laboratory to be analysed, he said.

"Based on our initial investigation, it is suspected that the cause

for the food poisoning was from a chocolate drink and fried chicken dish that were prepared in the school canteen kitchen," he said.

Dr Feisul Idzwan said the public is advised to always have a habit of practising food safety.

"They should look, smell and taste the food before consuming it.

"All food handlers are advised to adhere to the Food Act and Food Hygiene Regulations to prevent incidences of food poisoning," he added.

AKHBAR : SUNDAY STAR  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : NATION

8 Nation

## Aedes mosquitoes thrive in changing climate

**PUTRAJAYA:** Climate change is one of the factors affecting the breeding of Aedes mosquitoes in the country, says Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

He said Aedes mosquitoes breed actively when there is a change in temperature.

"Sand traps and rooftops that don't meet public health requirements can both be breeding grounds for Aedes mosquitoes.

"These structural factors play a significant role in the mosquito population," he said after the Gotong Royong Mega Fight Aedes 2.0, 1 Hour Malaysia Clean Up and

Malaysia Clean Up programme here yesterday.

On Friday, the Health Ministry reported that weather conditions play an important role in the transmission of dengue fever because they affect the habitat and survival of the *Aedes aegypti* mosquito.

According to the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia), the monsoon transition phase began on Sept 24 and is expected to continue until November, Bernama reported.

Until the 38th Epidemiological Week

(ME38) from Sept 15-21, the ministry reported that there were 1,514 cases of dengue fever including two deaths.

Dzulkefly said the ministry will strengthen dengue prevention and control activities through district health offices, health clinics and the Communication for Behaviour Change (Combi) volunteer team.

Among the activities carried out by the ministry with the cooperation of various agencies are vector control monitoring and inspection of Aedes mosquito breeding grounds.